

**JIKA UJIAN
ANTIBODI
HIV
POSITIF**




KANDUNGAN

Apa Itu HIV/AIDS	4
Bagaimana HIV Merebak	5
Apa Terjadi Kepada Pengidap Jangkitan HIV	6
Ujian HIV	7
Menghalang Jangkitan	8
Ujian-Ujian Makmal	10
Perkhidmatan Yang Disediakan	11
Jenis Rawatan	12
Tanggungjawab Anda Sebagai Seorang Pembawa HIV	13
Hak-Hak Pembawa HIV	14

APA ITU HIV/AIDS

HIV ialah virus (Human Immunodeficiency Virus) yang menyebabkan AIDS. Virus HIV memerlukan sel manusia untuk membiak. Ia banyak terdapat di dalam darah, air mani dan cairan kemaluan wanita.



AIDS ialah penyakit yang disebabkan oleh virus HIV yang melumpuhkan keupayaan semula jadi badan dalam melawan penyakit.

Di peringkat awal jangkitan, walaupun ujian HIV telah dapat mengesan antibodi terhadap virus HIV tetapi pembawa HIV nampak sihat. Kira-kira 50 peratus daripada mereka mengambil masa selama sepuluh tahun untuk menunjukkan tanda-tanda AIDS, tetapi jangkamasa ini mungkin lebih pendek jika tahap kesihatan dan pemakanan tidak dijaga dengan baik.



BAGAIMANA HIV MEREBAK

HIV tidak mudah merebak. Virus ini mudah musnah dan tidak boleh hidup lama di luar badan manusia. Terdapat beberapa cara di mana HIV boleh memasuki badan manusia:


- Darah
- Perkongsian jarum suntikan dadah
- Ibu yang dijangkiti kepada bayi dalam kandungan dan semasa kelahiran
- Pemindahan darah yang tercemar
- Pemindahan organ yang tercemar
- Tercucuk jarum suntikan yang tercemar

Hubungan seks

Jangkitan HIV boleh berlaku apabila mengadakan hubungan seks – sama ada secara heteroseks, homoseks atau biseks - dengan pasangan yang telah dijangkiti. Pasangan yang dijangkiti sukar dikenali. Oleh itu kita harus berhati-hati apabila memilih pasangan.

Melalui susu ibu


Ibu yang dijangkiti HIV boleh menjangkiti bayi melalui penyusuan susunya.



APA TERJADI KEPADA PENGIDAP JANGKITAN HIV

Peringkat tanpa simptom

Mengikut kajian, tempoh purata peringkat tanpa simptom boleh mencapai sehingga 10 tahun. Walau bagaimanapun, tempoh peringkat ini bergantung kepada tahap penjagaan kesihatan pembawa.



Peringkat AIDS

Peringkat ini wujud apabila pembawa mempunyai tanda-tanda klinikal. Tanda-tanda awal yang mungkin dialami termasuklah susut berat badan, batuk, demam dan cirit-birit berpanjangan. Tanda-tanda lain termasuklah kandidiasis, Kaposi sarcoma, Pneumocystis carinii pneumonia (PCP), tuberkulosis, Herpes zoster dan kanser pangkal rahim.

Tanpa rawatan pesakit AIDS boleh maut dalam masa dua tahun.

UJIAN HIV

Di antara ujian yang dilakukan adalah dengan menguji darah bagi mengesan kehadiran antibodi kepada HIV. Pengesanan awal jangkitan HIV boleh membantu pengidap menjaga tahap kesihatan mereka dan mencegah dari menjangkitkan virus HIV kepada orang lain tanpa sedar.

KEPUTUSAN POSITIF, bermakna wujud antibodi HIV dalam darah anda. Dapatkan nasihat dan rawatan daripada doktor dengan segera.



KEPUTUSAN NEGATIF, tidak bermakna anda bebas dari jangkitan HIV. Anda mungkin berada dalam waktu jendela (window period iaitu 45–60 hari dari tarikh virus HIV masuk ke dalam tubuh), iaitu satu jangkamasa di mana antibodi HIV seseorang belum dihasilkan walaupun telah dijangkiti HIV.

UJIAN HIV MUDAH DIDAPATI, RINGKAS DAN SELAMAT.

DIDAPATI PERCUMA DI SEMUA KEMUDAHAN KESIHATAN KERAJAAN.

SEMUA KEPUTUSAN DIRAHSIAKAN.

MENGHALANG JANGKITAN

Walaupun anda telah dijangkiti, anda hendaklah memastikan jangkitan tidak ditularkan kepada orang lain.

- Jika anda menagih dadah, jangan sekali-kali berkongsi jarum. Sebaik-baiknya ikutilah program pemulihan dadah untuk berhenti terus dari menagih dadah.
- Sebagai seorang yang belum berkahwin, pastikan anda tidak mengadakan hubungan seks sebelum nikah.
- Maklumat peribadi anda akan dikendalikan secara sulit. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa pihak yang perlu tahu mengenai status HIV anda seperti

pengamal perubatan, doktor gigi dan bakal pasangan hidup anda. Pengamal perubatan dan doktor gigi anda perlu mengetahui supaya dapat mengelakkan



kelewatan untuk mendapatkan rawatan yang sesuai serta memastikan langkah-langkah sewajarnya dapat diambil. Bakal pasangan hidup anda perlu tahu mengenai status anda supaya dapat membuat keputusan dan mengambil langkah-langkah sewajarnya.

d. Jangan menderma darah, tisu atau organ.

e. Jangan berkongsi alat peribadi seperti pisau cukur, gunting, berus gigi.

Mengikut Akta Penyakit Berjangkit 1988, seksyen 12(2) adalah menjadi satu kesalahan bagi seseorang yang mengetahui dirinya dijangkiti oleh penyakit berjangkit menyebarkan jangkitannya kepada orang lain.



UJIAN-UJIAN MAKMAL

Ujian Antibodi HIV


Selain dari ujian antibodi HIV, seseorang pembawa HIV perlu menjalankan beberapa lagi ujian makmal. Ini termasuklah ujian CD4 dan "viral load".

Ujian CD4

Dilakukan bagi mengetahui tahap jangkitan HIV dan bila rawatan anti-retrovirus (HAART) boleh dimulakan. Ia mengukur jumlah sel CD4 sihat dalam darah. Individu yang sihat mempunyai bilangan CD4 antara 600-1200 sel/mm³ darah. Jika bilangan CD4 menurun sehingga 200 sel/mm³ rawatan anti-retrovirus (HAART) akan dimulakan.

Ujian 'Viral load'

Ujian ini mengukur jumlah virus dalam darah. Paras yang tinggi menunjukkan tahap pembiakan virus yang tinggi.



PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN

Ujian-ujian makmal

- Ujian CD4
- Ujian "Viral Load"

Perkhidmatan kaunseling

Perkhidmatan kaunseling – pra-ujian, selepas ujian serta sokongan – boleh didapati di kemudahan-kemudahan kesihatan. Kaunseling boleh dijalankan dalam bentuk kaunseling secara bersemuka atau secara berkumpulan (support group). Anda juga boleh mendapatkan maklumat atau khidmat kaunseling melalui talian khidmat bantuan.



JENIS RAWATAN

a. Rawatan Anti-Retrovirus (HAART)

Kombinasi ubat anti-retrovirus bila digunakan dapat menekan pembiakan virus HIV di bawah paras 50 copies/ml (iaitu di bawah paras yang boleh dikesan oleh ujian HIV).

Kombinasi yang disyorkan oleh Kementerian adalah: 2 Jenis Nucleoside Reversed Transcriptase Inhibitor (NRTI) + 1 Protease Inhibitor (PI) atau Non-Nucleoside Reversed Transcriptase Inhibitor (NNRTI).

Rawatan akan disyorkan kepada pesakit yang:

- 1) Mempunyai tanda-tanda AIDS
- 2) Paras CD4 kurang daripada 350 sel/ml
- 3) Viral load melebihi 30,000 copies/ml

Dan patuh kepada jadual rawatan.


b. Rawatan profilaktik

Rawatan profilaktik akan diberi untuk mencegah jangkitan-jangkitan oportunistik seperti Pneumocystis Carini Pneumonia (PCP)

c. Lain-lain perkhidmatan

Rujukan sokongan (Kesihatan & Bukan kesihatan)



Semasa dalam rawatan susulan pesakit juga akan dirujuk kepada agensi kerajaan atau bukan kerajaan yang berkenaan untuk mendapatkan perkhidmatan sokongan



TANGGUNGJAWAB ANDA SEBAGAI SEORANG PEMBAWA HIV

Dengan mengekalkan tahap kesihatan optima seseorang pembawa HIV boleh hidup sihat lebih lama berbanding dengan mereka yang tidak menjaga kesihatan diri. Anda boleh mencapai tahap kesihatan optima melalui:

- Amalan gaya hidup sihat seperti tidur yang cukup, tidak merokok, bersenam, makan makanan sihat dan seimbang, serta menjaga kebersihan diri
- Segera dapatkan rawatan awal sekiranya menghadapi masalah kesihatan
- Berfikiran positif bagi mengelak tekanan fizikal, emosi dan mental untuk meneruskan kehidupan
- Sentiasa patuh dan amalkan ajaran agama setiap masa
- Sekiranya menerima rawatan, anda hendaklah mematuhi regim rawatan yang diberikan dan mendapatkan rawatan susulan yang telah ditetapkan



HAK-HAK PEMBAWA HIV

- Menentukan status HIV anda dikendalikan secara sulit.
- Menerima perkhidmatan rawatan dan kaunseling di klinik dan hospital.
- Mendapatkan rawatan HAART secara percuma sekiranya anda:
 - i) Kanak-kanak di bawah 12 tahun
 - ii) Mendapat jangkitan melalui darah/hasihan darah/organ
 - iii) Petugas kesihatan yang mendapat HIV melalui pendedahan sewaktu bertugas
 - iv) Wanita yang dikesan melalui saringan HIV kepada ibu mengandung

Kepada lain-lain pesakit, kerajaan menyediakan secara percuma 1 ubat anti-retrovirus.







KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



J I K A U J I A N A N T I B O D I H I V P O S I T I F
[http: www.dph.gov.my/aids](http://www.dph.gov.my/aids)